

21 NOV 1999

China-Malaysia

CHINA DAN M'SIA CADANG JALIN USAHA SAMA PROJEK BESAR

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri China Zhu Rongji yang tiba di sini esok untuk lawatan rasmi lima hari, berkata China dan Malaysia akan membincangkan beberapa projek usaha sama besar dengan mengambil peluang daripada potensi kerjasama ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara.

Katanya kerjasama ekonomi dan perdagangan telah meningkat dan walaupun berlaku krisis kewangan di Asia, perdagangan dua hala telah mengekalkan tahap pencapaiannya.

Jumlah perdagangan dua hala meningkat hampir 25 peratus bagi tempoh Januari hingga September tahun ini kepada US\$3.6 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas, katanya dalam jawapan kepada soalan bertulis daripada Bernama sempena lawatan itu.

Zhu sedang dalam rangka lawatan ke empat negara Asean, yang termasuk Filipina, Singapura dan Vietnam -- lawatan pertamanya ke rantau ini sebagai perdana menteri.

Beliau berkata China dan Malaysia, yang perdagangan dua halanya mencecah US\$4.8 bilion tahun lepas, perlu menjalankan usaha penerokaan lebih aktif dan terus membuka dimensi baru dalam kerjasama.

Diminta menilai hubungan diplomatik China-Malaysia pada masa ini yang mula diwujudkan 25 tahun lepas, Zhu berkata kedua-dua negara menunjukkan "momentum pembangunan" yang baik.

"Terdapat banyak pertukaran dua hala di pelbagai peringkat, manakala persefahaman dan kepercayaan terus meningkat," katanya.

Pertukaran dan kerjasama antara kedua-dua negara meliputi dalam politik, ekonomi dan perdagangan, budaya, pendidikan serta bidang-bidang lain yang memberikan hasil memberangsangkan.

Zhu berkata kedua-dua negara juga mempunyai persetujuan meluas dalam hal ehwal antarabangsa dan serantau dan terus mengekalkan penyelarasan dan kerjasama.

Selain pertukaran lawatan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dirinya sendiri, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar melawat China tahun ini, dan semasa lawatan itu, kedua-dua pihak menandatangani pernyataan bersama mengenai rangka kerja kerjasama dua hala pada masa depan.

Katanya kedua-dua negara telah bersetuju untuk mewujudkan hubungan baik daripada segala sudut iaitu kejiwaan, setiakawan dan kerjasama berdasarkan kepercayaan dan sokongan bersama.

"Ia bukti mengenai keikhlasan hasrat kedua-dua negara untuk membangunkan semangat setiakawan dan memperkukuhkan kerjasama dan bertindak sebagai garis panduan dan kerangka bagi pembangunan masa depan hubungan dua hala.

"Kami percaya bahawa usaha dua hala, kerjasama China-Malaysia dari pelbagai sudut akan terus terjalin dan tumbuh lebih kukuh," katanya.

Mengenai Asean, Zhu berkata China sentiasa memberi perhatian kepada perkumpulan 10 negara itu, yang beliau sifatkan sebagai pertubuhan paling dinamik dengan mempunyai pengaruh istimewa terhadap hal ehwal serantau. Enam lagi anggota Asean ialah Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar dan Thailand.

Zhu, yang terkenal sebagai penggerak utama ekonomi China bertanggungjawab bagi pencapaian cemerlang negara yang mempunyai penduduk paling ramai itu, berkata kerjasama saintifik dan teknologi telah menjadi

sebahagian daripada pendorong paling penting kepada hubungan China-Asean.

Zhu berkata China menghargai peranan positif yang dimainkan oleh Asean dalam hal ehwal serantau dan yakin bahawa Asean yang bersatu, stabil dan makmur akan menyumbang kepada keamanan dan pembangunan mapan rantau Asia Pasifik.

"Saya yakin bahawa lawatan ini akan menyumbang kepada pengukuhan dan pembangunan hubungan dan kerjasama yang mesra antara China dan Asean. China akan menjalankan usaha bersepadu dengan Asean untuk menggalakkan hubungan dua hala," katanya.

Ditanya bagaimana beliau meramalkan pembangunan ekonomi di Asia Tenggara, pemimpin China itu berkata negara-negara Asia Timur akan memerlukan kerjasama dan penyelarasan daripada masyarakat antarabangsa untuk keluar daripada bayang krisis kewangan serantau 1997.

Negara-negara membangun patut mempunyai sikap lebih bertanggungjawab dan memberikan lebih banyak sokongan dan bantuan kepada negara-negara Asia Timur agar mereka boleh keluar daripada krisis itu.

"Masalah yang dihadapi rantau ini adalah sementara. Selepas berdekad-dekad kerja keras, satu landasan yang kukuh telah dibina bagi pembangunan ekonomi dan sosial di Asia Timur. Kedudukan asas bagi merangsangkan pertumbuhan ekonomi adalah agak baik," kata Zhu.

Beliau berkata teras dasar luar China adalah mementingkan keamanan, menolak hegemonisme dan politik kuasa, serta membangunkan hubungan kejiranan yang baik dengan negara-negara sekelilingnya, selain aktif menentukan hala tuju kerjasama ekonomi dan perdagangan berdasarkan kesaksamaan dan faedah bersama.

"Ia juga akan meneruskan pendirian untuk mengendalikan penyelesaian pertelingkahan antara negara dan negara secara aman, menyertai dalam dialog keselamatan serantau dan kerjasama seiring dengan negara-negara Asia lain, dan bekerjasama dengan mereka untuk menjaga keamanan dan kestabilan di Asia.

Mengenai pencapaian cemerlang ekonomi China, Zhu berkata negaranya pasti mencapai objektif yang ditetapkan bagi pembangunan ekonominya selagi ia terus menjalankan dasar keterbukaan, mengendalikan hubungannya dengan baik di tengah-tengah pembaharuan itu, pembangunan dan kestabilan, meningkatkan permintaan efektif dalam ekonomi, mempercepatkan pembinaan infrastruktur, menstrukturkan semula ekonomi dan memastikan pertumbuhan mapan pertaniannya.

Langkah-langkah lain termasuk menggalakkan kemajuan teknologi, dan meningkatkan perindustrian perniagaan, meningkatkan pembinaan persekitaran ekologi dan memperbaiki kualiti dan kecekapan pertumbuhan ekonomi yang menurutnya.

"Ringkasnya China mempunyai masa depan yang cerah dalam pembangunan ekonominya," kata Zhu.

Produk Keluaran Dalam Negara Kasar China meningkat sebanyak 7.8 peratus tahun lepas dan pada sembilan bulan tahun ini, KDNK meningkat sebanyak 7.4 peratus dan import dan eksport sebanyak 9.4 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

-- BERNAMA

AU RHM MAI